

# Pemikiran remaja

## Apakah faktor-faktor yang mempengaruhinya?

Oleh Kamaruddin bin Sulaiman

**P**EMIKIRAN merupakan proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dan otak manusia. Semasa berfikir, otak manusia akan bertindak dengan usaha memahami rangsangan luar yang diterima melalui deria, membentuk konsep, membuat tafsiran, dan bertindak balas berdasarkan pengalaman yang sedia ada dalam ingatan. Potensi manusia boleh ditinjau daripada aspek-aspek jasmani dan rohani. Potensi manusia yang terpendam boleh dicungkil dan menjadi kebolehan nyata melalui rangsangan dan motivasi yang sesuai.

Perkembangan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif sangat penting demi membolehkan mereka menyedari keupayaan dan keperluan untuk memikirkan kekayaan alam secara aktif. Usaha memahami perkembangan pemikiran remaja secara mendalam boleh dilihat melalui beberapa teori seperti Teori otak Roger Sperry dan Teori pelbagai kecerdasan Howard Gardner.

### Perbezaan individu menentukan perbezaan perkembangan pemikiran

Mengikut *Dictionary of Psychology* (1973), perbezaan individu dihuraikan sebagai variasi atau ketidaksamaan individu

daripada norma kumpulan, sama ada sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku, sosial, bakat, dan lain-lain aspek yang terdapat di kalangan individu dalam kumpulan. Aspek-aspek perbezaan individu boleh dihayati daripada huraian seperti yang berikut.

1. Aspek fizikal: setiap individu berbeza dari segi jantina, rupa, saiz badan, dan kemahiran jasmaninya.
2. Aspek kognitif: setiap individu berbeza dari segi keupayaan berfikir, belajar, mengingat, menaakul, menganalisis, serta bakat yang ada pada individu.
3. Aspek emosi: setiap individu menunjukkan emosi yang berbeza dalam situasi yang sama.
4. Tingkah laku: perbezaan tingkah laku individu dapat dihayati dari segi pergaulan, interaksi, dan aktiviti sosial.
5. Aspek sosial: setiap individu mempunyai cara kehidupan yang tersendiri dan berbeza antara satu sama lain, termasuk individu dalam sekeluarga.
6. Aspek rohani: setiap individu mempunyai falsafah hidup dan keagamaan yang berbeza dengan individu lain.

### Faktor yang mempengaruhi perkembangan individu

Faktor genetik: Mengikut Gregor Men-

del; Gen merupakan penentu utama dalam pewarisan ciri-ciri perkembangan individu serta sesetengah penyakit ibu bapa. Pengaruh genetik terhadap perkembangan manusia dapat diperhatikan pada ciri-ciri perbezaan individu dari segi fizikal, mental, dan emosi.

Kajian oleh Galton (1865), Goddard (1890), Newman (1937), dan Sheldo (1962) telah membuktikan bahawa setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan intelek yang berbeza berbanding rakan sebayanya. Perbezaan kecerdasan antara individu boleh diperhatikan daripada prestasi pelajar dalam sesuatu kelas. Ahli psikologi sering mengaitkan perbezaan kecerdasan individu dengan kecerdasan ibu bapa mereka. Biasanya ibu bapa yang cerdas dan pintar akan melahirkan anak yang pintar juga. Kajian ahli psikologi juga membuktikan bahawa emosi yang kurang stabil dan pemarah akan melahirkan anak yang agresif dan autokratik.

Faktor keluarga: Institusi keluarga merupakan pengaruh utama terhadap perkembangan manusia. Unsur-unsur institusi keluarga yang mempengaruhi perkembangan individu ialah suasana rumah, makanan, asuhan, dan status sosioekonomi keluarga. Perbezaan iklim keluarga yang berkenaan akan mencetuskan perbezaan yang ketara dalam aspek-aspek yang berikut.


- i. kanak-kanak dilahirkan dalam keluarga yang mesra dan penuh kasih sayang akan mengalami perkembangan emosi yang sihat.
- ii. makanan berzat dan seimbang akan membantu kanak-kanak memperkembangkan jasmaninya dengan sempurna.
- iii. kanak-kanak diasuh dan dididik melalui cara yang baik akan mengalami perkembangan potensi, tingkah laku, dan emosi yang sempurna.
- iv. status sosioekonomi keluarga yang baik atau tinggi akan membantu perkembangan intelek dan fizikal kanak-kanak ke tahap optimum kerana keluarga ini berupaya memberi makanan berkhasiat di samping kemudahan yang sempurna



Jean Piaget



Roger Sperry



Sigmund Freud

kepada anak-anak mereka.

Faktor rakan sebaya: pengaruh rakan sebaya amat penting dalam perkembangan individu, khasnya dari sudut perkembangan intelek, sahsiah, emosi, dan sosial. Misalnya, apabila anak-anak bergaul dengan rakan sebaya yang rajin belajar, rakan itu akan mendorong perkembangan intelek dan potensinya ke tahap optimum. Kanak-kanak yang di sosialisasikan dengan rakan sebaya yang bersopan santun akan menyerap nilai-nilai murni daripada rakan mereka.

Faktor kebudayaan dan kepercayaan masyarakat: Masyarakat merupakan alam kehidupan manusia. Kebudayaan dan kepercayaan masyarakat yang berbeza mempengaruhi perkembangan kanak-kanak dalam aspek sosio-emosi, personaliti, dan mental. Secara ringkas dapat dijelaskan seperti yang berikut:

- i. Perbezaan nilai hidup membentuk perbezaan falsafah hidup di kalangan individu.
- ii. Perbezaan kebudayaan dan agama melahirkan perbezaan cara hidup serta tingkah laku manusia.

iii. Masyarakat yang sihat akan mempengaruhi anggotanya dengan membentuk sikap yang sihat seperti bertanggungjawab, rajin berusaha, bermoral, beretika serta kuat beragama dengan nilai kerohanian yang sempurna.

iv. Masyarakat yang menitikberatkan kebendaan akan mempengaruhi sikap manusia yang mementingkan diri sendiri, bersikap materialistik, serta mengabaikan nilai-nilai kerohanian yang murni.

v. Kebudayaan masyarakat yang menitikberatkan kepada keagamaan akan melahirkan individu yang beriman.

Faktor sumber teknologi: Perkembangan individu pula dipengaruhi oleh pendedahannya kepada sumber teknologi yang terdapat dalam kehidupannya. Sumber teknologi ini merujuk kepada maklumat yang diperolehi daripada bahan bacaan seperti akhbar, majalah, iklan, filem, radio, televisyen, dan komputer. Pendedahan kepada sumber teknologi yang sihat akan meningkatkan kadar perkembangan kognitif, emosi, dan sosialnya. Sebaliknya, kanak-kanak yang

terdedah kepada sumber yang berunsurkan kegunaan dan tidak sihat akan cenderung melakukan perbuatan yang menyalahi norma masyarakat.

Faktor guru dan persekitaran sekolah: Guru dan sekolah merupakan pengaruh yang paling penting dalam perkembangan pelajar dari aspek fizikal, intelek, emosi, dan sosialnya. Guru yang bersifat penyayang dan cekap menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah akan melahirkan pelajar yang berketerampilan, berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kejahateraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara. Iklim sekolah yang kondusif serta dilengkapi dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang baik akan membantu perkembangan kognitif, efektif, dan membantu perkembangan psikomotor pelajar. Guru dan sekolah merupakan agen perubahan dan sama-sama diberi tugas untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu, demi mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan

# Guma Goncang & Tulis



**PILOT** JAPAN  
Pen

### Implikasi perkembangan pemikiran remaja

Jean Piaget, dalam kajiannya mendapati bahawa perkembangan kognitif kanak-kanak berubah melalui empat peringkat mengikut perubahan umur mereka iaitu deria motor (0-2 tahun), (pra-operasi (2-7 tahun), operasi konkrit (7-12 tahun), dan operasi formal (selepas 12 tahun).

Sigmund Freud, ahli psikologi Chechoslovakia, berpendapat bahawa perkembangan personaliti manusia berkait rapat dengan perkembangan fizikalnya. Kajian beliau membuktikan bahawa ciri-ciri perkembangan emosi-fizikal remaja yang dikenal pasti dalam peringkat jantina 12-19 tahun seperti yang berikut:

1. Mula menaruh minat pada rakan sebaya berlainan jantina.
2. Mula bersosialisasi dengan rakan sebaya dan suka melibatkan diri dalam aktiviti berkumpulan.
3. Mula memilih kerjaya yang ingin diceburi selepas tamat sekolah.
4. Mula berfikir perkara yang berkaitan dengan perkahwinan.

Teori Perkembangan Emosi-Fizikal Erikson dapat menerangkan lapan peringkat perkembangan emosi manusia daripada bayi kepada peringkat yang lebih tua. Mengikut beliau, dalam setiap peringkat, timbulnya tingkah laku positif dan negatif yang membawa masalah penyelesaian psikologi kerana konflik emosinya.

#### Kesimpulan

Kita akan berpegang kepada teori-teori perkembangan yang telah diperkenalkan oleh tokoh-tokoh barat misalnya teori perkembangan Arnold Gesell yang menekankan aspek baka; teori perkembangan Robert Harighurst yang menekankan faktor alam sekitar sebagai penentu perkembangan; dan Jean Piaget yang terkenal sebagai bapa psikologi kanak-kanak, psikologi perkembangan dan kognitif. Kajian Jean Piaget dalam aspek perkembangan intelek yang amat dikagumi. Tokoh-tokoh lain yang harus menjadi panduan kita ialah Erik Erikson yang menjadikan asas lapan peringkat dalam perkembangan manusia; dan Sigmund Freud yang menekankan kewujudan ingatan tanpa sedar yang berfungsi untuk melindungi kesedaran kita ketika menghadapi konflik emosi dan ketegangan. Asas-asas ini amatlah wajar dijadikan pedoman untuk kajian ke atas perkembangan individu dari semasa ke semasa.

# Teori-teori yang berkaitan dengan perkembangan otak

## Teori otak Roger Sperry

Bahagian permukaan otak manusia, korteks dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hemisfera otak kiri (HOKi) dan hemisfera otak kanan (HOKa). Sekiranya HOKi cedera, bahagian kanan badan menjadi lumpuh, manakala apabila HOKa tercedera maka bahagian kiri badan akan lumpuh. Penyelidikan yang dijalankan oleh Profesor Roger Sperry membuktikan HOKi bertanggungjawab terhadap bahasa (penulisan dan lisan), logik, matematik, dan sains. HOKa pula bertanggungjawab terhadap perkembangan ruang, pemikiran kreatif, fantasi, seni, dan apresiasi muzik. Mengikut Profesor Roger Sperry lagi, cara maklumat diproses oleh kedua-dua hemisfera juga berbeza. Misalnya, HOKi memproses maklumat secara berturutan, sementara HOKa memproses maklumat secara global, iaitu keseluruhan. Kajian beliau juga menunjukkan bahawa kemahiran manusia berkembang pada masa yang berlainan mengikut kadar perkembangan hemisfera otak yang berlainan.

Melalui kajiannya juga, Profesor Roger Sperry mendapati, perkembangan bahasa berkembang dengan pantas pada peringkat umur 3 - 6 tahun. HOKa pula berkembang dengan pantas pada umur 8 - 10 tahun dengan tumpuan terhadap perkembangan kemahiran seperti melukis, mencari arah, dan mengenali bentuk-bentuk geometri.

## Teori pelbagai kecerdasan Howard Hardner

Pada tahun 1983, Gardner memperkenalkan Teori Pelbagai Kecerdasan (*multiple intelligences*), berpendapat bahawa setiap insan mempunyai tujuh kecerdasan yang berlainan iaitu kecerdasan linguistik, logikal, matematikal, ruang, muzik, tubuh kinestetik, interpersonal (sosial), dan interpersonal (kendiri). Kecerdasan ini dapat diuraikan

secara ringkas seperti yang berikut.

1. Kecerdasan linguistik/verbal: Kemampuan menggunakan perkataan secara berkesan sama ada secara lisan atau tulisan, termasuk kebolehan memanipulasikan ayat, gaya bahasa, dan pengucapan dengan baik dan sempurna, penulisan kreatif, puisi, peribahasa, dan cerita.
2. kecerdasan logikal - matematik: Kebolehan menggunakan nombor, menaakul, mengenal pasti pola abstrak, perkaitan, sebab dan akibat (logik). Melibatkan pemikiran saintifik termasuk pemikiran secara heuristik, induktif, deduktif, mengkategorikan, membuat inferens, generalisasi, penghitungan, dan pengujian hipotesis.
3. Kecerdasan visual - spatial: kebolehan mencipta gambaran mental dan mengamati dunia visual. Peka terhadap warna, garis, bentuk, dan ruang. Berkebolehan memvisual secara spatial dan mengorientasikan diri dalam matriks ruang.
4. Kecerdasan kinestetik: berkaitan dengan pergerakan dan kemahiran fizikal seperti koordinasi, keseimbangan dan kelenturan badan. Menggunakan anggota badan untuk meluahkan idea dan perasaan.
5. Kecerdasan interpersonal (sosial): Merupakan kecerdasan interaksi sosial, termasuk semangat bekerjasama, ke-pandaian memimpin serta berkomunikasi dengan berkesan.
6. Kecerdasan interpersonal (kendiri): ke-sedaran tentang diri sendiri, berfikiran meta kognitif dan berkebolehan untuk menilai diri sendiri. Mempunyai gambaran yang tepat tentang diri sendiri. Kesedaran terhadap mode dalaman, kehendak, motivasi, kemarahan, dorongan, dan kemampuan untuk mendisiplinkan diri dan jati diri.